

JABATAN KEHAKIMAN, MALAYSIA

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1 TAHUN 1970

Per: Peraturan-Peraturan Kewangan

Saya dapati Pegawai-Pegawai (Belip-Belip) yang menguruskan kerja-kerja Perintah Pelaksanaan tidak mematuhi peraturan-peraturan yang masih menjadi kuatkuasa pentadbiran di Pejabat ini.

- (1) Belip-Belip apabila keluar menyiasat perkara-perkara bersangkutan dengan Perintah bagi Permohonan-Permohonan Pelaksanaan hendaklah mencatatkan tiap-tiap lawatannya kedalam fail yang berkenaan.
- (2) Tiap-tiap seseorang pemohon Perintah Pelaksanaan hendaklah terlebih dahulu menyimpan wang perbelanjaan itu di Pejabat ini sebagai wang pertaruhan, dan jika didapati wang pertaruhan itu tidak mencukupi bagi perbelanjaan, maka Pegawai-Pegawai (Belip) tersebut hendaklah memberitahu Penolong Kanan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Yang diPertua, Mahkamah Sesyen atau Majistret dan hendaklah berhubung dengan pihak-pihak berkenaan melalui surat untuk mereka membayar wang yang tidak mencukupi itu kepada Pejabat ini, dan wang tambahan itu akan dimasukkan kedalam kira-kira simpanan yang sama, sebagai tambahan. Apabila selesai perbelanjaan akan dibayar melalui baucher diatas nama Penolong Kanan Pendaftar, Yang di Pertua, Mahkamah Sesyen atau Majistret.

- (3) Bayaran gaji kepada penjaga-penjaga akan dibayar dengan disaksikan oleh Penolong Kanan Pendaftar, Majistret atau Kerani Besar di Pejabat Mahkamah.
- (4) Pegawai-Pegawai Belip tidak boleh sama sekali menerima wang-wang tunai dari sesiapa pun sebagai wang pertaruhan. Saya dapati ada kalanya pegawai-pegawai Belip menyimpan wang-wang tunai yang berkaitan dengan menjalankan Perintah Pelaksanaan. Sepatutnya wang tambahan itu dimasukkan dalam Kira-Kira Wang Pertaruhan sebagai tambahan dalam kira-kira tersebut (Additional Deposit). Perkara menerima wang dengan tidak mengeluarkan resip hendaklah dihentikan dengan serta-merta.

(HAJI MOHD. AZMI B. DATO HJ. KAMARUDDIN)

KETUA PENDAFTAR.

Pejabat Pendaftaran,
Mahkamah Persekutuan,
Mahkamah Keadilan,
KUALA LUMPUR.

4hb April, 1970.

Bil: (98)dlm.RSC.39/54.

Kepada: Semua Penolong Kanan Pendaftar/
Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi.
Semua Yang diPertua, Mahkamah Sesyen.
Semua Majistret, Mahkamah Majistret.